

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN BULAN JULAI BULAN MEMBACA KEBANGSAAN 2001  
Lokasi : DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 16-07-2001

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Perpustakaan Negara Malaysia yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan kempen membaca pada pagi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang-bilang tahniah kepada semua yang telah membantu menjayakan majlis pada pagi ini kerana pada hari ini kita dapat menyaksikan begitu bersemangat sekali sekalian mereka yang hadir.

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, ilmu pengetahuan dan pendidikan merupakan asas dan jaminan kepada pembentukan masyarakat dan negara yang makmur dan membangun. Taraf hidup dan nilai sesebuah negara amat bergantung kepada persepsi masyarakat terhadap ilmu pengetahuan, pembentukan satu masyarakat madani dengan nilai-nilai budaya yang bermoral, bermaruah dan bertamadun mulia adalah ditentukan oleh tahap pencapaian ilmu masyarakat itu sendiri. Sesebuah masyarakat yang miskin ilmu tidak akan kaya budaya dan tamadunya. Justeru itu, adalah penting bagi kita untuk mengemulung tenaga dan berusaha ke arah memupuk nilai membaca.

3. Setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing. Selaku rakyat yang bertanggungjawab, kita perlu mempunyai inisiatif untuk maju dan meningkatkan keupayaan serta kemahiran. Pada hari ini kita dapat melihat bahawa usaha-usaha untuk menggalakkan budaya membaca telahpun dijalankan dengan begitu tersusun dan kempen membaca seperti ini adalah contohnya. Sokongan padu perlu ada pada setiap pihak. Tanpa penglibatan yang menyeluruh, kita tidak akan boleh pergi lebih jauh.

4. Ibu bapa mempunyai peranan penting memupuk tabiat membaca dikalangan kanak-kanak. Dalam hubungan ini, Pertandingan Perpustakaan Keluarga yang dijalankan oleh Perpustakaan-perpustakaan Awam di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan oleh Perpustakaan Negara adalah sangat wajar. Pertandingan seperti ini akan dapat menarik perhatian kepada kepentingan mengujudkan suasana membaca di rumah dan menjadikan pembacaan sebagai aktiviti sekeluarga, di mana ibu bapa boleh menjadi contoh pendorong. Dalam era teknologi maklumat dan globalisasi ini kita perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai ilmu dan kemahiran supaya kita boleh bertanding dan inovatif agar kita memiliki "competitive edge" dalam pasaran terbuka globalisasi. Kita mahukan inovasi, idea dan kemahiran tenaga manusia supaya Malaysia bukan sahaja diterima di negara sendiri malah menjadi rebutan di pasaran antara bangsa.

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menekankan di sini bahawa tumpuan sasaran bagi kaedah pembacaan era teknologi maklumat ini harus juga meliputi kawasan bandar kecil dan luar bandar. Saya bersetuju dengan langkah Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri menyediakan khidmat E-Pustaka iaitu Perpustakaan Bergerak Multimedia dan Pusat-pusat Siber Ilmu Desa yang boleh membantu memenuhi keperluan ini. Kita tidak mahu jurang ilmu wujud seperti adanya jurang ekonomi di antara lokasi dan kaum. Dan kita tidak mahu juga melihat masyarakat luar bandar dibelenggu dengan ilmu bentuk hiburan semata-mata atau ilmu agama sahaja. Masyarakat luar bandar harus mendapatkan kemudahan agar minda mereka juga bebas menikmati ilmu yang berfaedah daripada kemajuan teknologi maklumat.

6. Kita harus menyedari bahawa banyak orang-orang yang cacat penglihatan telah menjadi pemimpin negara, masyarakat dan pertubuhan-pertubuhan. Cacat anggota tidak bererti cacat ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan boleh diperolehi oleh semua tanpa had dan sekatan. Begitu juga amalan membaca, yang cacat penglihatan juga adalah bebas untuk membaca dan mendapatkan ilmu.

7. Adalah malang sekali sekiranya ada yang sempurna penglihatan tetapi cacat ilmunya! Adalah sedih sekali sekiranya ada yang sempurna penglihatan tetapi membazirkan anugerah Allah ini dengan membaca perkara-perkara maksiat dan tidak memberi sebarang ilmu yang berfaedah kepada diri sendiri, masyarakat dan agama.

Kita akan melanggar amanah Allah sekiranya tidak menggunakan anugerah penglihatan untuk membaca bahan-bahan yang bermanfaat yang dapat memberi ilmu yang berguna, apatah lagi di zaman teknologi yang dikuasai oleh tahap kepintaran minda dan ilmu ketika ini. Sepertimana kita membina tubuh badan yang sihat dengan memakan makanan yang sihat, kita juga perlu membina minda yang sihat dan cerdas dengan membaca bahan-bahan yang bermutu daripada pelbagai jenis dan bidang perkara serta yang bermanfaat.

8. Dunia kini menuntut kita menguasai seberapa banyak ilmu. Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada daya dan kekuatan rakyatnya dalam menguasai cabaran maklumat semasa.

9. Maklumat tersebar dengan luasnya secara global. Tidak ada lagi ruang untuk mereka yang berfikir sempit dan malas untuk belajar. Masa tidak menunggu kita. Jika kita tidak berusaha, maka kita akan ketinggalan. Statistik masyarakat Malaysia dari segi pembacaan belum lagi boleh kita banggakan. Rata-ratanya masih ramai yang belum gemar menjadikan bacaan sesuatu yang sihat dan penting dalam kehidupan mereka. Budaya mencintai buku dan ilmu masih berkurangan termasuk di kalangan ahli akademik dan pelajar-pelajar. Kita perlu lebih rajin bekerja, rajin berusaha dan lebih rajin membaca. Kita perlu berjaya dalam lapangan masing-masing dengan rajin berusaha, tetapi kita juga mahu melihat korporat-korporat yang berjaya dengan ilmu penuh di dadanya! Ilmu ialah nilai tambah (value added) kepada kejayaan ekonomi! Ia akan memberi nilai maruah, martabat dan integriti kepada seseorang itu, masyarakat dan negara pada keseluruhannya.

10. Program Bacaan Kegemaran Saya atau 'My Favourite Read' merupakan program yang amat sesuai untuk mempopularkan pembacaan melalui perkongsian bacaan kegemaran seseorang. Saya difahamkan Perpustakaan Negara bercadang untuk menerbitkan program Bacaan Kegemaran Saya ini dalam bentuk cakera padat multimedia untuk membolehkan persembahan ulasan buku oleh peserta-peserta program dimanfaatkan sepenuhnya dan kelak akan dapat diakses melalui internet oleh orang awam. Ini adalah satu cara yang menarik untuk menyebarkan bahan-bahan bacaan yang menjadi kegemaran masyarakat Malaysia.

11. Bertepatan dengan kewujudan infrastruktur digital dan teknologi maklumat yang semakin menular di kalangan masyarakat, pemantauan perlu dilakukan dari aspek penggunaan dan kemahiran mengakses. Di sinilah pentingnya tahap celik maklumat di kalangan kita. Apa yang menjadi kemusykilan ialah bagaimana kita mampu mengajak rakyat memahirkan diri dengan segala peluang dan kemudahan I.T. ini. Kita perlu membimbing dan memberi penekanan serius dalam soal ini. Tanggungjawab yang amat berat terpikul di bahu kita semua. Pemimpin golongan belia umpamanya atau mereka yang berkaitan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan bimbingan dan latihan asas termasuk menggandakan usaha penggunaan sistem maklumat yang lebih bersistematik dan sesuai.

12. Saya berharap semua pihak sama ada pemimpin, golongan korporat, para akademik, pelajar-pelajar dan juga penduduk-penduduk luar bandar agar berebut-rebut mendapatkan ilmu dengan mengamalkan budaya membaca. Kita boleh membaca dari bahan-bahan cetak dan juga melayari internet. Yang penting ialah semangat untuk mendapatkan ilmu itu harus dijadikan satu "ketagihan" yang luar biasa. Satu ketagihan yang boleh meluas dan memperkayakan minda serta membebaskan kita daripada belenggu kemiskinan ilmu dan kejahilan seperti mana disarankan oleh slogan Bulan Membaca tahun ini iaitu "Membaca Merdekakan Minda".

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, ingin saya menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan kerana telah berjaya menyempurnakan satu lagi aktiviti yang mampu meningkatkan tahap kesedaran kita. Saya yakin dengan usaha murni ini, kita akan berjaya mendapat manfaat bersama.

14. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi demi menjayakan lagi majlis pada pagi ini. Insya-Allah, berkat usaha kita bersama negara kita akan lebih makmur dan berilmu.

15. Dengan lafaz Bismillah-hirrahman-nirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Bulan Julai Bulan

Membaca Kebangsaan Tahun 2001.